

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 25 FEBRUARI 2024

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

Kerajaan fokus usaha tingkatkan pendapatan rakyat

Kerajaan fokus usaha tingkatkan pendapatan rakyat

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi tumpuan kepada meningkatkan pendapatan rakyat dan tidak melihat kepada kos barang semata-mata.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata demikian ketika membidas kenyataan bekas Pengerusi Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Annuar Musa yang mendakwa kerajaan ketika ini gagal mengawal keadaan ekonomi negara sehingga menyusahkan rakyat.

"Tumpuan kepada meningkatkan pendapatan rakyat adalah lebih membuahkan hasil berbanding daripada Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi.

"Kami takdelah umum sampai jihad lawan inflasi, tetapi inflasi turun ke kadar yang terendah," katanya menerusi hantaran di X semalam.

Beliau mengulas kenyataan Annuar pada Khamis lalu yang mendakwa harga barang, tarif elektrik dan cukai semakin mahal sekarang ketika menyampaikan ucapan pada Ceramah Isu Umat dan Politik Semasa di Dewan Besar Markas Pas Kawasan Bagan Datuk, Perak.

Rafizi berkata, keutamaan pada 2023 ialah menstabilkan harga barang dengan menurunkan inflasi.

Katanya, ia membolehkan harga tidak terus melonjak sementara kerajaan tumpu kepada perkara yang menjadi punca beban kos sara hidup.

"Kerajaan tumpu kepada perkara yang menjadi punca kenaikan kos sara hidup seperti gaji naik perlahan, maka pelarasan gaji kakitangan awam dan dasar gaji progresif.

"Tambah kapasiti pengeluaran makanan dengan peruntukan besar untuk memodenkan pertanian selain baiki rantaian bekalan, maka kita secara berterusan lihat rantaian bekalan padi, telur dan makanan asas, menggalakkan penjualan berpatutan melalui Jualan Rahmah,

"Selain itu, penyasaran subsidi kepada keluarga yang lebih memerlukan untuk mengurangkan beban mereka dengan sumbangan tunai yang lebih tinggi dan reformasi subsidi pukal yang sedang berjalan," katanya.